

Bantu rakyat atasi kenaikan harga menerusi subsidi barangan kawalan

PM: Tak perlu 'ikat perut'

Um - 4/7/2022 m/s - 1

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
hesham.idris@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Kerajaan tidak akan meminta rakyat supaya 'ikat perut' seperti yang disarankan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) dahulu berikutan kenaikan kos barangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan,

sebaliknya kerajaan berusaha mencari kaedah membantu rakyat mengatasi kenaikan harga barang menerusi pemberian subsidi terhadap barangan kawalan.

Beliau berkata, kerajaan mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga barang.

Katanya, antaranya subsidi

harga ayam RM700 juta, RM28 bilion untuk subsidi petrol dan diesel serta RM70 bilion subsidi barangan pengguna.

"Kerajaan tak nak menjawab (isu kenaikan harga barang) dalam surat khabar dengan mengatakan 'oleh kerana ini merupakan fenomena global, jadi kita serah pada global'.

"Tidak, kita tak kata macam

itu, itu kerajaan dahulu. PH, Perdana Menteri zaman itu kata apa? Bila harga naik hendaklah 'ikat perut'.

"Itu dulu, tapi kita tak kata macam itu, kita mencari kaedah untuk memastikan rakyat tidak dibebani dengan kenaikan barangan seperti ayam.

"Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita beri subsidi

untuk pastikan harga ayam tak naik, kerajaan subsidikan harga ayam RM700 juta," katanya ketika berucap pada penutup Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Perak di Litar Dato' Sagor, Kampung Gajah, di sini, semalam.